



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR** **24 Nov 2020 (Selasa)**

### **Berita Harian**

MIDA kenal pasti 97 projek berpotensi pindah ke Malaysia	1
900 mangsa banjir 3 negeri masih di PPS	2
Produksi TV3 jamin Sri Pentas 2 selamat	3

### **Utusan Malaysia**

Banjir di Johor, Melaka, Selangor semakin pulih	4
---	---

### **Harian Metro**

Usah tambah kesusahan dihadapi	5
28 kilang Top Glove tutup berperingkat	6
Pengarah syarikat dituduh sabotaj air ikut Sosma	7

### **Kosmo**

Dua lelaki berdepan penjara seumur hidup	8
Visi Noor Azman lahirkan ahli perniagaan berjaya	9

### **Selangor TV**

Akta LUAS dipinda, hukuman berat menanti pencemar sungai	10
--	----

### **Sinar FM**

MKN Selangor Bersidang Hari Ini	11
---------------------------------	----

### **The Star**

CITY COUNCIL MATTERS	12
Miti approves projects worth RM23bil	13

### **The Edge CEO Morning Brief**

The future of banking is shaped by mobile banking	14
---	----

### **The Malaysian Reserve**

28 Top Glove factories to close in stages	15
Two men charged with sabotage at Sg Selangor	16
MIDA in talks to bring projects worth RM21b to M'sia	17

### **China Press**

Virus goes upstairs, people run away,, DUN: It is better to keep the SOP to avoid the epidemic	18
DAP organizes sharing activities, collect old things to donate to poor households	19
PJ Seksyen 19 Damansara Bistari playground upgrade to be completed next month	20
Kampung Pandan often floods, drainage system cannot handle heavy rainfall	21
Kampung Sungai Balak often floods, allocate RM100,000 to build flood control stone wall	22
Short film produced by Selangor tells the whole story of water disruption, 7 cases of river pollution in just 2 months	23
Leong Tuck Chee: Temple don't go through an intermediary when applying for funding	24
Hee Loy Sian: I hope to open up tourism activities in Hulu Selangor and Kuala Selangor.	25

### **Oriental Daily**



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 24 November 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	MIDA kenal pasti 97 projek berpotensi pindah ke Malaysia
Muka Surat	:	15

# MIDA kenal pasti 97 projek berpotensi pindah ke Malaysia

**Kuala Lumpur:** Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) mengenal pasti 97 projek berpotensi dipindah dan dikembangkan di Malaysia sebagai pelaburan tambahan.


Keadaan itu secara langsung akan memanfaatkan ekonomi negara selain membuka peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

Menteri Kanan (Ekonomi), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata 37 daripada projek itu adalah sektor pembuatan dan perkhidmatan yang diluluskan bagi tempoh Januari hingga September lalu bernilai RM9.2 bilion.

"Kelulusan itu merangkumi projek dalam sektor elektrik dan elektronik, jentera, logam, logistik, kimia dan bahan termaju serta industri berasaskan sumber kayu dan kertas.

"Syarikat ini berpangkalan di

China, Hong Kong, Taiwan, Amerika Syarikat (AS), Jepun, Korea, Singapura dan Switzerland," katanya ketika mengulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2021 di Dewan Rakyat, semalam.

 **37 daripada projek itu adalah sektor pembuatan dan perkhidmatan yang diluluskan bagi tempoh Januari hingga September lalu bernilai RM9.2 bilion.**

**Mohamed Azmin Ali,**  
Menteri Kanan (Ekonomi)

Mohamed Azmin yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata, MIDA giat berunding dengan syarikat multinasional dari negara berkenaan untuk memuktamadkan pemindahan operasi bagi 54 projek bernilai RM21.1 bilion bermula suku pertama tahun depan.

Katanya, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Kementerian Kewangan sentiasa memperkenalkan insentif dan galakan bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan yang terkesan dengan pandemik COVID-19, selain konflik perdagangan di antara Amerika Syarikat dan China.

"Usaha proaktif ini dapat memastikan pelabur sedia ada kekal beroperasi, sekali gus berpotensi berkembang dan meningkatkan pelaburan di Malaysia," katanya.



**KERATAN AKHBAR**  
**24 November 2020**

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	900 mangsa banjir 3 negeri masih di PPS
Muka Surat	:	21

# 900 mangsa banjir 3 negeri masih di PPS

Keadaan di Johor, Selangor semakin pulih

Oleh Amir Mamat, Balqis Jazimah Zahari, Roselan Ab Malek dan Amirul Aiman Hamsuddin  
 bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Lebih 900 mangsa banjir masih ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) di Melaka, Perak dan Pahang setakat petang semalam.

Keadaan banjir di Johor dan Selangor pula semakin pulih, dengan 95 mangsa di tiga PPS dibenarkan pulang ke rumah masing-masing.

Di **Melaka**, jumlah mangsa banjir terus meningkat kepada 502, berbanding 492 orang sebelum ini.

Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) negeri, Leftenan Kolonel (PA) Effendy Ali, berkata mangsa di PPS Se-

kolah Kebangsaan (SK) Parit Gantong, Sungai Rambai meningkat lebih sekali ganda apabila seramai 53 penduduk terpaksa dipindahkan.

Di **Perak**, susulan hujan lebat berterusan bilangan mangsa banjir di negeri ini kembali meningkat dengan seramai 315 mangsa daripada 105 keluarga ditempatkan di empat PPS di tiga daerah, petang semalam.

Jurucakap APM negeri berkata, kejadian banjir terbaru berlaku di Kampung Ulu Kayan, daerah Kerian dan Bagan Serai dan Larut Matang di sini.

Di **Pahang**, jumlah penduduk dipindahkan ke tujuh PPS di daerah ini, meningkat kepada 99 orang sehingga petang semalam.

Ketua Zon 3 Pahang, Shahrulnizam Nasir, berkata proses pemindahan 26 keluarga turut dilakukan dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Raub dan polis.

"Paras air Sungai Lipis, Sungai Dong dan Sungai Gala juga kini berada di

tahap amaran," katanya.

Di **Johor**, seramai 69 penduduk di Kampung Laut Batu 10, Skudai dan Kampung Pasir, Tampoi, yang dipindahkan di dua PPS, dibenarkan pulang ke rumah masing-masing semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, R Vidyananthan, berkata PPS SK Kampung Pasir, Tampoi yang menempatkan 31 mangsa ditutup sepenuhnya jam 11.30 pagi semalam, manakala 38 mangsa di Kampung Laut Batu 10 yang ditempatkan di PPS SK Batu 10, Skudai turut dibenarkan pulang.

Di **Selangor**, PPS Dewan Serbaguna Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) Desa Coalfields yang dibuka sejak 18 November lalu ditutup, selepas banjir surut sepenuhnya.

Pegawai APM Daerah Kuala Selangor, Kapten (PA) Shaiful Azril Zainal, berkata semua 26 mangsa sudah dibenarkan pulang apabila PPS ditutup kira-kira jam 5 petang semalam.



Sebahagian mangsa banjir ditempatkan di PPS Changkat Lobak, Bagan Serai yang dibuka petang semalam. (Foto ihsan APM Perak)





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>24 November 2020</b>		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Produksi TV3 jamin Sri Pentas 2 selamat
Muka Surat	:	43

## Produksi TV3 jamin Sri Pentas 2 selamat

**Produksi** TV3 memberi jaminan Studio Sri Pentas 2, Plaza Alam Sentral, Shah Alam selamat untuk digunakan biarpun berlaku kejadian penyanyi yang juga peserta Separuh Akhir Muzik Muzik 35 (SFMM35), Alif Satar disahkan positif COVID-19, Ahad lalu.

Penerbit Eksekutif, Produksi Hiburan, Rangkaian Televisyen, Media Prima Berhad, Nurhul Huda Khalid berkata, pihak pengurusan premis bersama Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) terus bertindak melakukan proses pembersihan dan sanitasi di lokasi berkenaan sebaik dimaklumkan berita Alif disahkan pandemik itu.

Katanya, ia menyebabkan konsert ketiga SFMM35 yang sepatutnya berlangsung pada sebelah malam terpaksa ditangguhkan.

"Selepas mendapat tahu be-

rita kes Alif, MBSA terus melakukan proses pembersihan dan nyah kuman di premis berkenaan. Kebiasaannya, studio sudah boleh digunakan selepas dua jam.

"Justeru, program realiti, *Vokal Mania* dan *Lagu Cinta Kita 2* yang akan menggunakan studio ini pada penghujung minggu ini akan diteruskan. Tidak perlu risau, keselamatan mereka terjamin.

"Malah, tiada sebarang cadangan untuk menangguhkan dua program berkenaan berikutan membabitkan penaja," katanya kepada *HIP*.

Mengulas perkembangan terkini keselamatan kru yang bertugas pada SFMM35, Nurhul Huda berkata, hanya sebilangan kecil petugas produksi dan mereka yang mempunyai kontak rapat dengan artis serba boleh itu dihubungi Kementerian Ke-

sehatan (KKM) untuk membuat ujian calitan.

"Bukan semua kru menjalani ujian calitan. Hanya mereka yang mempunyai kontak rapat dengan Alif seperti pengurus pentas dan petugas bahagian audio dihubungi KKM, selain nama yang diserahkan sendiri oleh Alif.

"Kebanyakan artis yang membuat ujian calitan adalah atas inisiatif mereka sendiri.

"Jika mengikut KKM, hanya artis yang terbabit pada Jumaat perlu menjalani ujian saringan. Setakat ini, orang terdekat dengan Alif seperti pengurus dan pasukan pemuzik yang mengiringi persembahannya disahkan negatif," katanya yang juga Penerbit Eksekutif SFMM35.

Ditanya tarikh baharu untuk konsert ketiga SFMM3, Nurhul Huda berkata, pihak produksi masih belum mem-

punyai tarikh tetap, namun akan diadakan sebaik sahaja tempoh kuarantin selama dua minggu tamat.

"Buat masa ini, warga kerja SFMM35 perlu menjalani kuarantin di rumah untuk tempoh 14 hari. Apapun, kita kena tunggu hingga tempoh kuarantin tamat. Kemungkinan konsert ketiga SFMM35 akan dibuat pada Jumaat kerana tidak mahu mengganggu slot hujung minggu program yang sudah disusun lebih awal," terangnya.

Terdahulu Alif yang juga peserta SFMM35 pada Jumaat lalu membuat persembahan menerusi lagu ciptaan Faizal Tahir, Ezra Kong, Romeo dan Mike Chan berjudul *I want You To Love me*.

Difahamkan, Alif kini menjalani rawatan dan proses kuarantin di sebuah pusat perubatan di Melaka bermula kelmarin.



**MBSA telah melakukan proses pembersihan dan nyah kuman di premis berkenaan. Kebiasaannya, studio sudah boleh digunakan selepas dua jam.**

**Nurhul Huda Khalid, Penerbit Eksekutif, Produksi Hiburan, Rangkaian Televisyen, Media Prima Berhad**



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 24 November 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Banjir di Johor, Melaka, Selangor semakin pulih
Muka Surat	:	6

## Banjir di Johor, Melaka, Selangor semakin pulih

**JOHOR BAHRU:** Pusat pemindahan sementara (PPS) yang menempatkan mangsa banjir dari Kampung Laut Batu 10, Skudai ditutup sepenuhnya semalam.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Johor dalam kenyataan memaklumkan, sebelum ini seramai 38

mangsa daripada sembilan keluarga ditempatkan di sini kerana dinaiki air banjir kilat kelmarin.

"Disebabkan tiada lagi hujan dan air pasang, maka PPS di Sekolah Kebangsaan (SK) Batu 10, Skudai ditutup sepenuhnya," kata kenyataan se-

malam.

Di **MELAKA**, seramai 389 mangsa masih berada di lima PPS di negeri ini setakat pukul 4 petang, sekali gus menunjukkan penurunan sebanyak 131 orang berbanding 520 pada pagi semalam.

Laporan harian Sekretariat

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) merekodkan hanya 97 keluarga dari 11 lokasi terjejas banjir berada di PPS berbanding 148 keluarga sebelum ini.

Di **SELANGOR**, mangsa banjir di Kuala Selangor mencatatkan penurunan daripada 116 orang

kepada 90 orang setakat pukul 11 pagi semalam.

Penurunan itu berikutan pusat PPS di Dewan Serbaguna Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) Desa Coalfields yang menempatkan 26 mangsa ditutup pukul 5 petang semalam.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 24 November 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Usah tambah kesusahan dihadapi
Muka Surat	:	4

### 'Usah tambah kesusahan dihadapi'

**Kuala Lumpur:** "Jika ia perbuatan manusia, maka segeralah bertaubat.

"Dalam keadaan pandemik Covid-19 ini, jangan ditambah lagi kesusahan dihadapi masyarakat khususnya di Selangor. Berbuat baik kepada manusia dan jangan menyusahkan mereka dengan benda mistik," kata Mufti Selangor, Datuk Mohd Tamyas Abdul Wahid.

Beliau berkata demikian mengulas berhubung kejadian ketukan pintu misteri yang berlaku di daerah Sabak Bernam sejak seminggu lalu dan gangguan itu masih berterusan hingga menakutkan penduduk.

Menurut Mohd Tamyas, kejadian itu masih dalam siasatan pihak berkuasa dan beliau enggan membuat sebarang kesimpulan sama ada wujud unsur mistik atau sebaliknya.

"Terlalu banyak tanggapan. Apa-apa pun kita kena siasat dahulu," katanya ketika dihubungi.

Beliau berkata, orang Islam perlu percaya bahawa makhluk Allah terbahagi kepada dua iaitu zahir atau nyata dan tidak nyata.

"Manusia yang beriman kepada Allah SWT yakin peranan kita di dunia adalah membuat kebaikan dan meninggalkan perkara mungkar.

"Sepatutnya kita tidak melakukan sesuatu menimbulkan keresahan, kesusahan dan curiga kepada umat Islam lain.

"Kita diarah berbuat baik kepada manusia, tidak perlu ada sikap jahat dan mencurigakan orang lain. Itu perkara mungkar dilarang agama," katanya.





**KERATAN AKHBAR**  
**24 November 2020**

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	28 kilang Top Glove tutup berperingkat
Muka Surat	:	10



ANGGOTA kesihatan membuat pemeriksaan di asrama pekerja wanita syarikat sarung tangan Top Glove Corp Bhd di Meru.

## 28 kilang Top Glove tutup berperingkat

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 28 kilang Top Glove di Kapar, Selangor akan ditutup secara berperingkat bagi membolehkan pekerja menjalani ujian saringan dan proses kuarantin.

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ini kerana terdapat peningkatan kes positif Covid-19 di kilang berkenaan.

“Sebanyak 1,067 kes dilaporkan di kawasan itu, hari ini (semalam) dan pelaksanaan itu akan diselaraskan Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri Selangor dengan kerjasama pengurusan syarikat Top Glove,” katanya, semalam.

Sementara itu, beliau

berkata, kerajaan akan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Penjara Seremban dan Kuarters Penjara Seremban selama 14 hari bermula hari ini hingga 7 Disember depan.

“Ia meliputi keseluruhan kawasan Penjara Seremban termasuk blok penjara, bangunan pentadbiran dan kuarters pegawai serta kakitangan membabitkan 2,080 penghuni,” katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Ismail Sabri berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang meneliti sama ada penyanyi yang dijangkiti Covid-19, kelmarin ketika membuat persembahan atau berada di luar.



## KERATAN AKHBAR 24 November 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Pengarah syarikat dituduh sabotaj air ikut Sosma
Muka Surat	:	20

# Pengarah syarikat dituduh sabotaj air ikut Sosma

**Kuala Lumpur:** Dua lelaki termasuk seorang pengarah sebuah syarikat menjadi individu pertama dihadapkan ke mahkamah atas pertuduhan melakukan sabotaj kepada perkhidmatan air di Selangor membabitkan kesalahan terhadap keselamatan negara mengikut Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (Sosma).

Tertuduh R Nathan, 42, seorang kontraktor dan Lim Kian Aik, 42, pengarah syarikat, masing-masing mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan terhadap mereka dibacakan di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen Selayang Maziah Joary Mohd Tajudin.

Mereka didakwa bagi mencapai niat bersama melakukan sabotaj dengan niat untuk mendedahkan mudarat kepada perkhidmatan air di Selangor di premis No 32, Jalan Velox 2, Taman Velox, Rawang antara 2 November dan 10 November lalu.

Pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 124K Kanun Keseksaaan dan dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama dan boleh dihukum di bawah peruntukan Seksyen 124K kanun sama yang memperuntukkan hukuman penjara seumur hidup, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Iskandar Ahmad tidak menawarkan sebarang jaminan

terhadap kedua-dua tertuduh kerana Seksyen 124K Kanun Keseksaaan disenaraikan di bawah Bab 6 Kanun Keseksaaan yang menggunakan prosedur Sosma seperti mana diperuntukkan di bawah jadual pertama Akta 747 (Sosma).

Beliau berkata, kes itu membabitkan kesalahan terhadap keselamatan negara dan perlu mengguna pakai prosedur Sosma iaitu kes akan dibicarakan di Mahkamah Tinggi.

"Sehubungan itu, pihak pendakwaan memohon mahkamah menetapkan tarikh sebutan untuk mendapatkan izin bagi kes dipindahkan ke Mahkamah Tinggi," katanya.

Peguam Erni Ahmad daripada Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) yang mewakili Nathan berkata, tindakan pendakwaan yang tidak menawarkan jaminan terhadap anak guamnya adalah ultra vires (melampaui kuasa) Perkara 5 dan 21 Perlembagaan Persekutuan.

Peguam Harcharanjit Singh yang mewakili Lim memohon jaminan dibenarkan dengan alasan anak guamnya sudah berkahwin dan mempunyai empat anak berusia 11 hingga 17 tahun.

"Dalam kes ini, anak guam saya sudah memberikan kerjasama baik dengan pihak berkuasa. Anak guam saya adalah seorang pengarah syarikat," katanya.





<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>24 November 2020</b>		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Dua lelaki berdepan penjara seumur hidup
Muka Surat	:	11

## Dua lelaki berdepan penjara seumur hidup

**SELAYANG** – Dua lelaki merupakan individu pertama berdepan hukuman penjara seumur hidup apabila didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam, atas pertuduhan sabotaj terhadap perkhidmatan air.

Kedua-dua mereka menghadapi lima pertuduhan lain memabitkan pencemaran Sungai Selangor pada 11 November lalu.

Kedua-dua tertuduh iaitu R. Nathan, 43, yang bekerja sebagai kontraktor jalan dan Lim Kian Aik, 42, yang merupakan pengarah sebuah syarikat mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Maziah Joary Mohd. Tajudin.

Mengikut pertuduhan pertama hingga keenam, mereka didakwa bagi mencapai niat bersabotaj dengan niat mendatangkan mudarat kepada perkhidmatan air di negeri Selangor di sebuah premis di Jalan Velox 2, Taman Velox, Rawang di sini, antara 2



**R.NATHAN (depan) dan Kian Aik (belakang) dibawa ke Mahkamah Sesyen Selangor semalam.**

hingga 10 November lalu.

Bagi kesalahan itu pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 124K Kanun Keseksaan (Akta 574) dan dibaca bersama dengan Seksyen 34 kanun sama dan boleh dihukum di bawah peruntukan hukuman penjara seumur hidup

jika sabit kesalahan.

Majistret Nik Mohd. Fadli Nik Azlan kemudiannya membenarkan kedua-dua tertuduh diikat jamin bagi pertuduhan kelima dan keenam berjumlah RM30,000 seorang dan pasport diserahkan kepada mahkamah.





<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>24 November 2020</b>		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Visi Noor Azman lahirkan ahli perniagaan berjaya
Muka Surat	:	22

**Varia**

Oleh SAIRUL ZAMRI MISRANI

**“S**AYA memang bukan seorang insan yang dilahirkan dengan *business minded*. Hendak jalankan perniagaan apatah lagi.

“Minat dalam bisnes pun tak pernah ada dalam diri saya. Pada saya cukuplah sekadar makan gaji hingga pensen.”

Itu kata-kata yang diluahkan Noor Azman S. Ali saat membuka bicara bersama K2 ketika ditemui di kediaman teres dua tingkat miliknya di Petaling Jaya, Selangor baru-baru ini.

Menurut kakitangan awam berpangkat Penolong Pengarah Kanan di Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) itu, dia tidak pernah terfikir akan perubahan yang berlaku dalam hidupnya kini.

Baginya, keputusan untuk melibatkan diri secara suka-suka dalam perniagaan berasaskan *network marketing* lima tahun lalu merupakan titik tolak terhadap perubahan 360 darjah hidupnya.

“Jujur saya katakan memang tidak pernah terlintas untuk melibatkan diri dalam perniagaan apatah lagi mempunyai syarikat sendiri.

“Lagipun pegawai kerajaan seperti saya boleh dikatakan mempunyai segala-galanya termasuklah kedudukan yang terjamin, kewangan kukuh dan ekonomi yang stabil.

“Pun begitu, saya juga seperti manusia lain yang ada impian dan cita-cita dalam hidup sekali gus mahu meningkatkan taraf hidup selain bebas berbuat apa sahaja tanpa sebarang halangan,” katanya.

Jelas graduan Sains Politik dari Universiti Sains Malaysia itu, bermula serendah RM360 dia tekad dan memulatkan keputusan untuk turut serta dalam perniagaan yang diperkenalkan rakan sepejabatnya itu.

Tambah anak jati kelahiran Petaling Jaya, Selangor itu lagi, perniagaan yang dijalankannya itu berasaskan produk kesihatan dan makanan tambahan yang diformulasikan dari Switzerland serta dioperasikan oleh syarikat Phytoscience Malaysia Sdn. Bhd. yang berpangkalan di Malaysia.

Cerita Nor Azman yang merupakan pengasas syarikat Super Elite Trendmaker, berkat usaha dan kesabaran walau tidak memiliki apa-apa pengetahuan, ilmu dan pengalaman dalam perniagaan, bisnes yang dijalankannya itu menjadi walau diuji dengan pelbagai dugaan pada peringkat awal.

**Bantu anak muda**

Diam tidak diam, kini sudah memasuki tahun kelima bapa kepada seorang cahaya mata lelaki berusia 18 tahun itu bertapak dalam perniagaan yang dahulu amat dibenci dan tidak pernah diimpikannya.

Sepanjang tempoh itu jugalah berbagai anak duri, halangan, cabaran, dugaan dan rintangan dilaluinya dalam memastikan empayar perniagaannya

# Visi Noor Azman lahirkan ahli perniagaan berjaya



**NOOR AZMAN (tengah) mahu membantu anak-anak muda berjaya dalam bidang perniagaan.**



**NOOR AZMAN kini berjaya dalam bidang perniagaan.**



**NOOR AZMAN memberi taklimat perniagaan kepada anak-anak muda di bawah bimbingan dan seliaannya.**

kekal relevan.

“Alhamdulillah berkat kesabaran, hingga kini saya berjaya melahirkan ramai usahawan dan mereka yang turut berminat dengan bidang perniagaan khususnya dalam kalangan anak muda dan mereka yang kehilangan kerja akibat pandemik Covid-19.

“Hingga kini, saya mempunyai seramai 17,000 orang yang berjaya direkrut di bawah kendalian syarikat hingga mereka mampu meraih

pendapatan mencecah belasan atau puluhan ribu ringgit sekali gus merubah kehidupan. Ada yang mampu membeli motosikal berharga RM13,000 secara tunai,” ujarnya yang memberitahu langsung tidak melanggar sebarang polisi sebagai penjawat awam sepanjang menjalankan perniagaan.

Ditanya mengenai perancangan masa hadapan, Noor Azman berkata, dia menyasarkan untuk mengembangkan dan memperkasakan perniagaan yang

diceburinya ke tahap lebih tinggi.

Ujarnya, dia turut menyasarkan penambahan kepada 50,000 ahli di bawah kendaliannya menjelang hujung tahun hadapan dengan menyasarkan pengembangan produk poplarnya, Crystal Cell ke seluruh negara.

Bagi mereka yang berminat untuk mendapatkan bimbingan Noor Azman dalam perniagaan tersebut, bolehlah menghubungi beliau menerusi talian 012-209 9000 atau Instagram @nasa66.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**23 November 2020**

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Akta LUAS dipinda, hukuman berat menanti pencemar sungai
Muka Surat	:	-





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**23 November 2020**

Akhbar	:	Sinar FM
Tajuk Berita	:	MKN Selangor Bersidang Hari Ini
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>24 November 2020</b>		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	CITY COUNCIL MATTERS
Muka Surat	:	2

## **CITY COUNCIL MATTERS**

> Petaling Jaya City Council (MBPJ) is inviting applications for its Chinese New Year 2021 trading lots.

Locations are Pasar Jalan Othman (12 lots), Pasar Kampung Chempaka (23 lots), Pasar Taman Megah (16 lots) and Dataran Boulevard (20 lots).

Application fee is RM125, which includes rubbish collection and identification tag for one assistant. Same rate applies for any of the four locations. Applications are open until Dec 3 via <http://elesen.mbpj.gov.my>

> Subang Jaya City Council's mobile counters will make their rounds to facilitate licence renewal for morning and night markets. The mobile counters are operating until Dec 15, from 9am to 12.30pm for morning markets and from 5pm to 9pm for night markets. Traders can visit [www.mbsj.gov.my](http://www.mbsj.gov.my) for the mobile counters' schedule.

> Shah Alam City Council has started processing licence renewals for those expiring on Dec 31. Payment can be made for a period of one, two or three years at Level G and the Licensing Department counter at Level 13 in Wisma MBSA, or at its branches in Section U20, Sungai Buloh; Section 31, Kota Kemuning; and Section U13 in Setia Alam, Shah Alam.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**24 November 2020**

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Miti approves projects worth RM23bil
Muka Surat	:	7

# Miti approves projects worth RM23bil

**KUALA LUMPUR:** The International Trade and Industry Ministry (Miti) has approved 312 projects with investment value of RM22.9bil from July 1 until Oct 31, 2020 via the electronic manufacturing licence digital platform (e-ML).

Senior Minister cum International Trade and Industry Minister Datuk Seri Mohamed Azmin Ali said the approvals under the manufacturing licence via fast track was among the ministry's efforts to attract new investment in high impact industry and based on technology.

He said the National Committee on Investments (NCI) had also been set up, where all evaluation and approval for investment package related to tax incentives and grants at national level are centralised.

"From March to September 2020 period, a total of 1,054 projects worth RM66.9bil had been approved and are expected to generate a total of 44,354 job opportunities," he said.

— Bernama





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>24 November 2020</b>		
Akhbar	:	The Edge CEO Morning Brief
Tajuk Berita	:	The future of banking is shaped by mobile banking
Muka Surat	:	13



# The future of banking is shaped by mobile banking

BY RHB BANK

The Covid-19 pandemic has reshaped consumer banking behaviour in Malaysia and highlighted a greater need for connectivity and technology to ease the lives of those struggling to cope with the new normal. With the Conditional Movement Control Order (CMCO) in place, product purchases have increasingly migrated online while the use of physical cash is on a steady decline. According to Bank Negara Malaysia's statistics, consumer internet banking saw an increase of about 20% in both volume and transaction value in 2020 alone.

As safety continues to be a primary concern that has shaped the way we do things, banking consumers are also increasingly shifting away from visiting physical bank branches in favour of online and mobile banking. While these shifts in consumer behaviour have been an ongoing trend for the past decade, the pandemic has surely accelerated years of banking digitalisation processes down to a few months.

The same story applies to the development of the new RHB Mobile Banking App. First introduced in April 2019 as an upgrade to the RHB Now App, this app has seen widespread penetration in Malaysia and the number of active users is expected to double by end-2020.



The pandemic has sped up the development process of new updates to the app and RHB Bank has introduced several new features that will help consumers fulfil their banking needs of today.

**Changing the banking landscape**  
 The Malaysian banking industry is in a constant state of flux owing to the technological disruptions in the industry. The newly updated RHB Mobile Banking App aims to play a major role in this disruption process.

The primary goal of the app is to eliminate the need for consumers to visit any physical location for their banking needs – be it quickly accessing their money for any purchases, setting up a new account or paying their monthly bills.

To replicate the experience of having a personal banker that fits in the customer's hands, the app has introduced features never before seen in the industry, without compromising on security while enabling better convenience when conducting banking activities on a smart device.

Throughout the app transformation journey, the bank has reached out



